

Email Checklist: Personal Financing-i Document Submission via Email

					-				
					NRIC				

Name of Applicant: 

No.	Document / Action	Tick (/)
1.	Referral Form MCCM Resources Sdn Bhd ( <i>only for MCCM referral</i> )	
2.	AmBank Islamic Bhd Personal Financing-i Application Form	
3.	Aqad Form of AmMetLife Takaful Bhd ( <i>if applicable</i> ) <b>Note:</b> <i>This Aqad Form is not compulsory if applicant purchase Takaful protection from other Takaful companies or not purchasing any Takaful protection</i>	
4.	Copy of verified NRIC ( <i>Applicant</i> )	
5.	Copy of verified Payslip ( <i>Applicant</i> )	
6.	Copy of verified NRIC ( <i>Spouse – for Household Income Program</i> )	
7.	Copy of verified Payslip ( <i>Spouse – for Household Income Program</i> )	
8.	Copy of verified EPF statement ( <i>Spouse, private sector employment – for Household Income Program</i> )	
9.	i. Borang BPA 1/79 duly signed ( <i>only applicable to MDS/ Branch sales</i> ) OR, ii. SPGA booking confirmation printout ( <i>only applicable to MCCM referral</i> )	
10.	Kebenaran Potongan Amaun Fasiliti	
11.	Arahan Membuat Bayaran ( <i>if applicable</i> )	
12.	Settlement Letter/CCRIS Outstanding Balance for overlapping cases ( <i>if applicable</i> )	
13.	New to salary deduction under Biro Perkhidmatan Angkasa ( <i>if applicable</i> ) Opening of AmBank Islamic/AmBank acc.: to ensure face-to-face interview at applicant's workplace has been done and to provide applicant's deposit thermal receipt at AmBank Islamic/AmBank branches which reflects its savings/current account number and customer's name	

**IMPORTANT:**

1. Scan the above as per the USER GUIDE – How to Scan Supporting Document
2. Email the scanned documents to [ds-personal-financing@ambankgroup.com](mailto:ds-personal-financing@ambankgroup.com) for account creation in WAPS by NetXpert

**Submitted by Sales:****Verified by NetXpert:**-----  
Name:-----  
Date:-----  
Name:-----  
Date:



# BORANG RUJUKAN

## PEMBIAYAAN PERIBADI-i AMBANK ISLAMIC BERHAD

KEPADA: MCCM RESOURCES SDN BHD

GUNAKAN HURUF BESAR

Tuan,

Saya berbesar hati untuk menjadi calon Pembiayaan Kredit MCCM Resources Sdn Bhd (“MCCM”) dan bersetuju mengemukakan maklumat peribadi saya seperti berikut :

### MAKLUMAT CALON

Nama Penuh Seperti Kad Pengenalan :

.....

Tel. Rumah :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

No. K.P Baharu :

					-			-					
--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--	--

Tel. Bimbit :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

No. K.P Lama / Tentera / Polis :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Tel. Pejabat &amp; Sambungan :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Tarikh Lahir :     ..... -     ..... -     .....

Alamat Surat Menyurat :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Umur :     .....      Jantina :      L      P

Poskod :     .....

Bil. Tanggungan :     ..... Agama : .....

Pekerjaan : .....

Jabatan / Kementerian : .....

### AKUAN DAN IKRAR

1. Saya bersetuju untuk menjadi calon pemohon Pembiayaan Peribadi-i AmBank Islamic Berhad
2. Saya memberi kebenaran kepada MCCM untuk menguruskan pembayaran pembiayaan saya melalui potongan gaji bulanan Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA)
3. Saya mengesahkan bahawa setiap maklumat yang diberikan adalah benar dan saya juga berikrar bahawa saya bukanlah seorang muflis yang belum dilepaskan atau seorang yang masih disabitkan dengan kesalahan yang boleh daftar
4. Saya akan mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan dalam urusan permohonan ini dan berjanji akan melunaskan pembiayaan dengan aturan dan garis panduan yang telah ditetapkan
5. Saya bersetuju membayar balik sebarang kos tambahan yang didahulukan oleh pihak MCCM dalam mana-mana kes overlap pembiayaan saya dengan koperasi/bank atau lain-lain pembiayaan
6. Dengan menandatangani Borang Rujukan ini, saya bersetuju untuk tertakluk kepada semua terma-terma di dalam Perjanjian Am Pembiayaan Peribadi-i AmBank Islamic Berhad

## Peringatan:

-Pemohon dikehendaki menyertakan salinan Kad Pengenalan bersama Borang Rujukan ini  
 -Pemohon boleh muat turun borang pembiayaan peribadi-i AmBank Islamic Berhad di [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my) dan menghantar borang yang lengkap ke Menara AmBank, Tingkat 19, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur, atau emel ke ang-yeo-mui@ambankgroup.com atau difaks ke 03-27800387.

Tarikh :

			-			-							
--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--

**X**

Tandatangan Pemohon

Rujukan Kakitangan Bukan Jualan :-

Nama:

No. Pekerja:

AmBank Islamic Berhad 199401009897 (295576-U)

Tingkat 25, Menara AmBank, No. 8, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur

Semua bahagian adalah wajib untuk disi bagi urusan pemprosesan permohonan anda kecuali yang ditanda sebagai "pilihan".

**BORANG PERMOHONAN PEMBIAYAAN PERIBADI-I**Jumlah yang dipohon : RM  , Tempoh  TahunJenis Pembiayaan :  Baru  Bertindih

Tujuan Pembiayaan :

Kadar Keuntungan (%) :

1. Sila lengkapkan semua bahagian dengan huruf besar dan tandakan (✓) di petak yang berkenaan.

2. Dokumen sokongan yang disertakan dalam permohonan ini tidak akan dikembalikan kepada pelanggan.

3. AmBank Islamic ialah pembiayaan kemudahan ini dan MCCM Resources Sdn. Bhd. sebagai pemegang kod potongan gaji Biro Perkhidmatan Angkasa, adalah bertanggungjawab dalam mengendalikan pemotongan gaji pelanggan.

4. Lain-lain Tambahan/Promosi

 12 Bayaran Pendahuluan Bulanan (12 MAP) - Kombo Pembiayaan Peribadi-i dan Pinjaman/Pembiayaan Bertempoh-i Dijamin oleh Sijil ASB/ASB2 Program Pendapatan Isi Rumah (Household Income Program)

Cop Pegawai/Ejen Pemasaran, termasuk Kod Ejen Takaful (dimana berkenaan)

**A MAKLUMAT PERIBADI PELANGGAN**

Nama Penuh													
Gelaran	<input type="checkbox"/> Encik	<input type="checkbox"/> Cik	<input type="checkbox"/> Puan	<input type="checkbox"/> Lain-lain (sila nyatakan : _____)									
K.P. Baru	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	-	<input type="checkbox"/>	-	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Tarikh Lahir <input type="text"/> - <input type="text"/> - <input type="text"/>		
K.P. Lama	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	K.P. Polis <input type="text"/>		
Jantina	<input type="checkbox"/> Lelaki	<input type="checkbox"/> Perempuan											
Bangsa	<input type="checkbox"/> Melayu	<input type="checkbox"/> Cina	<input type="checkbox"/> India	<input type="checkbox"/> Lain-lain									
Agama	<input type="checkbox"/> Islam	<input type="checkbox"/> Kristian	<input type="checkbox"/> Buddha	<input type="checkbox"/> Hindu	<input type="checkbox"/> Cerai	<input type="checkbox"/>	Lain-lain						
Taraf Perkahwinan	<input type="checkbox"/> Bujang	<input type="checkbox"/> Kahwin	<input type="checkbox"/> Balu										
Alamat Kediaman Kini													Jenis Kediaman <input type="checkbox"/> Sendiri <input type="checkbox"/> Sewa <input type="checkbox"/> Keluarga
Poskod													Negeri <input type="text"/>
Alamat Kediaman Tetap													Jenis Kediaman <input type="checkbox"/> Sendiri <input type="checkbox"/> Sewa <input type="checkbox"/> Keluarga
Poskod													Negeri <input type="text"/>
Tel. Rumah	<input type="text"/> - <input type="text"/> - <input type="text"/> - <input type="text"/>	<input type="checkbox"/> Tel. Bimbis	<input type="text"/> - <input type="text"/> - <input type="text"/> - <input type="text"/>	<input type="checkbox"/> e-mel <input type="text"/>									
Penyata dan Notis	<input type="checkbox"/> e-mel.	<input type="checkbox"/> Bercetak.											

**B MAKLUMAT PEKERJAAN**

Kementerian/Syarikat													
Jabatan/Unit													
Alamat Jabatan (Tempat Kerja)													Alamat Surat Menyurat <input type="checkbox"/> Kediaman <input type="checkbox"/> Pejabat
Poskod													Negeri <input type="text"/>
Tel. Pejabat	<input type="text"/> - <input type="text"/> - <input type="text"/> - <input type="text"/>	<input type="checkbox"/> Samb.	<input type="text"/> - <input type="text"/> - <input type="text"/> - <input type="text"/>	Gaji Pokok & Elaun Tetap Sebulan RM <input type="text"/>									
Jawatan Kini													Pembayaran Gaji melalui AmBank Islamic <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
Jenis Pekerjaan													Kod <input type="text"/>
Sektor Pekerjaan													Kod <input type="text"/>
Tarikh Mula Berkhidmat	<input type="text"/> - <input type="text"/> - <input type="text"/> - <input type="text"/>	Tempoh Perkhidmatan <input type="text"/> Tahun											

**C PENGESAHAN OLEH MAJIKAN**

Kepada : AmBank Islamic Berhad

Kami dengan ini mengesahkan segala keterangan di atas adalah benar dan pemohon adalah kakitangan berjawatan  Tetap  Kontrak  Sementara dengan kami. Kami bersetuju untuk membuat pemotongan gaji di atas sehingga menerima notis pemberitahuan dari pihak tuan bahwa kemudahan tersebut telah dibayar sepenuhnya. Kami juga mengesahkan bahwa Umur Persaraan kakitangan tersebut di atas adalah  55 Tahun  56 Tahun  58 Tahun  60 Tahun dan Jumlah Potongan Baru Yang Dibenarkan adalah RM  .  di mana Peratusan Kelayakan Pembiayaan adalah  % Kami juga mengesahkan bahawa:

- Tiada sebarang tindakan tatatertib telah/akan diambil terhadap kakitangan tersebut.
- Kakitangan tersebut tidak memohon untuk bercuti tanpa gaji/cuti belajar/berhenti kerja buat masa sekarang atau dalam masa yang terdekat.
- Kakitangan terlibat tidak akan bertukar jabatan/sekolah dalam masa terdekat (sekiranya ada pertukaran, tarikh pertukaran bermula pada: .....).
- Potongan gaji akan tetap diteruskan seperti yang disahkan selagi kakitangan tersebut masih berkhidmat di jabatan/sekolah kami.

Tandatangan Majikan  
Nama:  
Jawatan:  
Tarikh :Cop Jabatan  
No. Tel. Pejabat :  
Tarikh:

<b>D BUTIRAN PASANGAN DAN AHLI KELUARGA TERDEKAT UNTUK PEMOHON UTAMA</b>	<b>E MAKLUMAT PASANGAN (terpakai untuk Program Pendapatan Isi Rumah sahaja)</b>
<b>Pasangan</b> Nama Penuh _____ Tel. Bimbit _____ - _____	Nama Penuh _____ K.P. Baru _____ - _____ K.P Lama _____ Majikan _____ Alamat Pejabat _____  Tel. Pejabat _____ Tel. Bimbit _____ Gaji Kasar Bulanan RM _____ . _____ Jawatan _____
<b>Ahli Keluarga Terdekat (yang tidak tinggal bersama)</b> Nama Penuh _____ Tel. Bimbit _____ - _____ Hubungan _____	

**F PENGISYIHTARAN OLEH PELANGGAN**

Dengan ini saya mengakui bahawa :-

- Segala maklumat yang diberi dalam permohonan ini adalah benar dan betul dan saya tidak menyembunyikan sebarang fakta penting yang berkaitan.
- Saya bersetuju memberi kebenaran tanpa batas kepada pihak AmBank Islamic Berhad untuk melakukan sebarang semakan/pengesahan maklumat yang telah saya beri dengan majikan saya.
- Saya bukan seorang yang bankrap (muflis) dan tiada sebarang tindakan guaman diambil ke atas saya.
- Saya bukan ahli lembaga pengarah kepada AmBank Islamic Berhad, ABB Holdings Berhad atau syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya.
- Saya faham bahawa AmBank Islamic Berhad mempunyai hak untuk menolak permohonan ini.
- Saya dengan ini memberi persetujuan saya kepada Bank untuk berkongsi mana-mana maklumat saya dengan mana-mana pihak ketiga termasuk bank lain dan agensi pelapor kredit di Malaysia yang didaftarkan di bawah Akta Agensi Pelapor Kredit 2010, Biro Penipuan dan/atau lain-lain pangkalan data perkongsian maklumat untuk tujuan mengesah dan/atau menyiasat dan/atau mencegah penipuan dan/atau saya tidak akan meletakkan tanggungjawab ke atas Bank dan/atau pihak ketiga terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang diakibatkan oleh perkongsian dan/atau pemprosesan maklumat saya tersebut kecuali apabila punca kerugian atau kerosakan tersebut datang daripada kecuaian melampau, penipuan atau salah laku yang disengajakan Pihak Bank.
- Segala maklumat berkaitan dengan kemudahan pembiayaan tersebut mungkin akan diserahkan oleh pihak AmBank Islamic Berhad kepada Pusat Biro Kredit yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, atau mana-mana agensi berdaftar dengan Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan dan mana-mana pihak ketiga yang pernah/sedang berurusan dengan saya.
- Pihak AmBank Islamic Berhad seterusnya dibenarkan untuk berhubung atau berbincang dengan sesiapa sahaja yang pernah/sedang berurusan/berurusan dengan saya termasuk penasihat-penasihat guaman, juruaudit-juruaudit, pegawai-pegawai bank, pembekal-pembekal dan pelanggan saya/kami mengenai sebarang maklumat/pengesahan yang diperlukan oleh pihak AmBank Islamic Berhad, dan saya akan memberikan perlotongan dan akses sebagaimana dikehendaki oleh pihak AmBank Islamic Berhad untuk tujuan yang disebutkan terdahulu.
- AmsIslamic Bank Berhad untuk tujuan yang disebutkan terdahulu.
- Apa-apa maklumat yang diberikan oleh saya sebagai sokongan ke atas permohonan pembiayaan pelanggan untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan didedahkan kepada orang-orang di atas bagi tujuan membantu semakan/pengesahan kredit tersebut.
- Kebenaran di atas akan sekali-kali memberi makna yang piyah AmBank Islamic Berhad telah bersetuju keatas permohonan pelanggan untuk kemudahan pembiayaan, yang mana ianya tertakluk kepada kelulusan piyah pengurusan AmBank Islamic Berhad. Sekiranya permohonan saya diluluskan, kebenaran ini akan berkuatkuasa sehingga semua tunggakan di bawah kemudahan pembiayaan ijelaskan dengan sepenuhnya.
- Saya tidak terlibat dalam mana-mana aktiviti yang menyatakan undang-undang sebagaimana yang dijelaskan di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dan Akta Perdagangan Strategik 2010.
- Setakat pegetahuan saya
  - Saya bukan saudara mara terdekat kepada
    - Pengarah
    - Pemegang Saham Utama
    - Pegawai Eksekutif
    - Pegawai Kredit
  - Tiada satu daripada senarai (a) di atas mahupun saudara mara terdekat mereka menjadi penjamin untuk sebarang kemudahan pembiayaan yang disediakan oleh pihak Bank kepada saya.

**Nota :**

- Saudara mara terdekat bermaksud ahli keluarga yang boleh mempengaruhi atau dipengaruhi oleh individu berkenaan begitu juga semua tanggungan individu berkenaan. Ini termasuklah pasangan atau semua tanggungan pasangan, anak (termasuk anak tiri dan anak angkat) dan pasangan kepada anak, ibubapa dan adik-beradik serta pasangan mereka.
- Pengarah bermaksud pengarah kepada bank, samaada sebagai pengarah eksekutif atau sebaliknya dan samada menerima sebarang ganjaran atau tidak serta, saudara mara terdekat. Ini termasuklah pengarah gantian yang diizinkan oleh pihak Bank.
- Seseorang itu adalah pemegang saham utama jika beliau menguasai lebih 50% daripada hak mengundi, memegang lebih 50% daripada modal saham diterbitkan sama ada secara langsung atau tidak langsung (tidak termasuk saham keutamaan), menguasai komposisi ahli lembaga pengarah, mempunyai kuasa untuk melantik dan/atau memecat semua atau majoriti ahli lembaga pengarah, menguasai pemegang saham utama bank, atau seorang yang menurut arahan atau perintahnya, seorang pengarah bank atau syarikat-syarikat induk yang sah, adalah biasa untuk bertindak.
- Pegawai eksekutif bermaksud seseorang yang menjadi ahli pihak pengurusan yang mempunyai bidang kuasa atau tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan/atau mengawal aktiviti bank (selain daripada dalam kapasiti sebagai seorang pengarah), samada atau bukan pegawai yang mempunyai jawatan rasmi, atau layak menerima gaji atau lain-lain ganjaran. Contoh pegawai berkenaan termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi atau ahli jawatankuasa penggubal polisi dan perniagaan.
- Pegawai Kredit bermaksud seseorang yang bertanggungjawab untuk atau mempunyai bidang kuasa untuk menilai dan/atau meluluskan transaksi kredit atau menyemak kedudukan transaksi kredit sedia ada, sama ada sebagai ahli kepada jawatankuasa (seperti : Jawatankuasa Pelaburan Kredit) atau secara individu, dan saudara terdekatnya.

Sila pelanggan berikrar sebaliknya, jadual dibawah perlu diisi :-

No.	Nama Kakitangan / Penjamin	No. K/P	Hubungan
1.			
2.			

(sila gunakan helaihan tambahan, jika tidak mencukupi)

13. Segala urusan pemotongan gaji bagi pembiayaan ini akan diuruskan oleh MCCC Resources Sdn. Bhd.

14. Saya bersetuju memberi kebenaran tanpa batas kepada pihak Bank untuk mendedahkan segala maklumat peribadi saya kepada pihak MCCC dan BPA bagi urusan pemotongan gaji.

15. Terma dan syarat muktamad akan dinyatakan dalam Perjanjian Am.

16. Saya telah menerima Lembaran Penyataan Produk bagi produk yang berkenaan, dan dengan ini memberi persetujuan saya terhadap kandungan tersebut.

**KEBENARAN OLEH PELANGGAN**

- Kumpulan AmBank dan rakan-rakan perniagaannya mungkin, dari semasa ke semasa, menawarkan produk, promosi dan perkhidmatan yang mungkin menarik minat anda. Katakan "YA" untuk tawaran dan promosi hebat daripada Kumpulan AmBank dan rakan-rakan perniagaannya.

 Ya, saya ingin menerima bahan pemasaran daripada Kumpulan AmBank dan rakan-rakan perniagaannya.

 Tidak, buat masa ini.

Saya, dengan ini memberi persetujuan saya terhadap Notis Privasi Kumpulan AmBank yang terdapat di cawangan dan laman web AmBank, dan membenarkan Kumpulan AmBank untuk memproses data peribadi saya bagi kegunaan seperti yang dinyatakan di dalam Notis Privasi tersebut. Saya juga mengesahkan bahawa pengakuan ini mengatasi sebarang pengakuan terdahulu yang dibuat oleh saya.

Sekiranya anda mengubah fikiran selepas ini dan tidak lagi ingin menerima bahan pemasaran daripada Kumpulan AmBank dan rakan-rakan perniagaannya, anda hanya perlu memaklumkan kepada kami dengan menghubungi kami melalui 03-2178 8888 atau e-mel [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)

- Takaful Pembentukan Peribadi Tempoh Menyusut:

- Saya ingin mengambil perlindungan Takaful dari AmMetLife Takaful Berhad (diuruskan oleh AmBank Islamic Berhad).
- Saya ingin mengambil perlindungan Takaful dari lain-lain Syarikat Takaful (diuruskan sendiri oleh pelanggan dan polisi perlindungan Takaful dengan pengesahan bahawa AmBank Islamic Berhad adalah penerima hak akan diserahkan kepada AmBank Islamic Berhad).
- Saya tidak mau mengambil sebarang perlindungan Takaful.

**G PENGISYIHTARAN OLEH PASANGAN PELANGGAN (terpakai untuk Program Pendapatan Isi Rumah sahaja)**

Dengan ini saya mengakui bahawa :-

- Segala maklumat yang diberi dalam permohonan ini adalah benar dan betul dan saya tidak menyembunyikan sebarang fakta penting yang berkaitan.
- Saya bersetuju memberi kebenaran tanpa batas kepada pihak AmBank Islamic Berhad untuk melakukan sebarang semakan/pengesahan maklumat yang telah saya beri dengan majikan saya.
- Saya dengan ini memberi persetujuan saya kepada Bank untuk berkongsi mana-mana maklumat saya dengan mana-mana pihak ketiga termasuk bank lain dan agensi pelapor kredit di Malaysia yang didaftarkan di bawah Akta Agensi Pelapor Kredit 2010, Biro Penipuan dan/atau lain-lain pangkalan data perkongsian maklumat untuk tujuan mengesah dan/atau menyiasat dan/atau mencegah penipuan dan/atau saya tidak akan meletakkan tanggungjawab ke atas Bank dan/atau pihak ketiga terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang diakibatkan oleh perkongsian dan/atau pemprosesan maklumat saya tersebut kecuali apabila punca kerugian atau kerosakan tersebut datang daripada kecuaian melampau, penipuan atau salah laku yang disengajakan Pihak Bank.
- Kumpulan AmBank dan rakan-rakan perniagaannya mungkin, dari semasa ke semasa, menawarkan produk, promosi dan perkhidmatan yang mungkin menarik minat anda. Katakan "YA" untuk tawaran dan promosi hebat daripada Kumpulan AmBank dan rakan-rakan perniagaannya.

 Ya, saya ingin menerima bahan pemasaran daripada Kumpulan AmBank dan rakan-rakan perniagaannya.

 Tidak, buat masa ini.

Saya, dengan ini memberi persetujuan saya terhadap Notis Privasi Kumpulan AmBank yang terdapat di cawangan dan laman web AmBank, dan membenarkan Kumpulan AmBank untuk memproses data peribadi saya bagi kegunaan seperti yang dinyatakan di dalam Notis Privasi tersebut. Saya juga mengesahkan bahawa pengakuan ini mengatasi sebarang pengakuan terdahulu yang dibuat oleh saya.

Sekiranya anda mengubah fikiran selepas ini dan tidak lagi ingin menerima bahan pemasaran daripada Kumpulan AmBank dan rakan-rakan perniagaannya, anda hanya perlu memaklumkan kepada kami dengan menghubungi kami melalui 03-2178 8888 atau e-mel [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)

**PERINGATAN: Pelanggan dan pasangan diingatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat terkandung dalam Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi-i sebelum menandatangani Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi-i ini. Sekiranya Pelanggan tidak memahami mana-mana terma-terma dan syarat-syarat terkandung dalam Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi-i ini, Pelanggan dinasihati untuk mendapatkan nasihat peguam atau berbincang dengan wakil Bank yang diberi kuasa sebelum menandatangani Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi-i ini**

**TANDATANGAN PELANGGAN**  
Tarikh: \_\_\_\_\_

**TANDATANGAN PASANGAN**  
Tarikh: \_\_\_\_\_

**H UNTUK KEGUNAAN PEJABAT**

- Pengesahan bahawa segala maklumat yang diperolehi adalah benar tanpa menyembunyikan sebarang fakta penting.
- Pengesahan juga telah dibuat menerusi sesi temubual dengan pelanggan.

Adalah satu kesalahan untuk menyerahkan dokumen palsu, maklumat yang tidak betul serta mengelirukan dalam

.....  
(Tandatangan Pegawai / Ejen Pemasaran)

## PERJANJIAN AM

### 1. DEFINISI

Perkataan	Maksud
“BNM”	Bermakna Bank Negara Malaysia dan termasuk subsidiarinya dan biro yang ditubuhkan olehnya.
“Badan Potongan Gaji”	Biro Perkhidmatan Angkasa atau mana-mana badan/jabatan yang bertanggungjawab ke atas pemotongan gaji Pelanggan.
“Bank”	Merujuk kepada AmBank Islamic Berhad (No. Syarikat 295576-U) sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftarnya di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.
“Kumpulan AmBank”	Semua syarikat berkaitan dan syarikat bersekutu Bank dan syarikat induknya.
“Fasiliti”	Kemudahan pembiayaan kepada Pelanggan yang telah diluluskan oleh Bank.
“Amaun Fasiliti”	Amaun keseluruhan Fasiliti.
“Bayaran Bulanan”	Bayaran bulanan yang perlu dibayar oleh Pelanggan seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank.
“Pelanggan”	Individu yang dinyatakan sebagai pelanggan di dalam borang aplikasi Fasiliti.
“Prinsip Syariah”	Prinsip-prinsip pembiayaan Islam sebagaimana yang diterima pakai dan diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM dan Jawatankuasa Syariah AmBank Islamic Berhad.

### 2. BAYARAN BULANAN BAGI FASILITI

- i) Bank dan Pelanggan memahami dan bersetuju bahawa Bayaran Bulanan bagi Fasiliti ini akan dibuat secara potongan gaji melalui Badan Potongan Gaji. Pelanggan bersetuju dan memahami bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab dan tidak mempunyai kuasa ke atas potongan gaji yang dilakukan melalui Badan Potongan Gaji dan Pelanggan akan merujuk sebarang pertanyaan dan masalah berkaitan potongan gaji tersebut secara terus dengan Badan Potongan Gaji. Tanpa menjelaskan peruntukan di atas, Pelanggan mestilah membuat bayaran bulanan terus kepada Bank:-
  - a. Sehingga potongan gaji melalui Badan Potongan Gaji berkuatkuasa; dan/atau
  - b. Sekiranya potongan gaji tersebut tidak dikirimkan kepada atau tidak diterima oleh pihak Bank atas apa-apa alasan sekalipun.
- ii) Pelanggan bersetuju untuk membuat Bayaran Bulanan bermula pada hari ke-lima di dalam bulan keempat selepas pengeluaran Fasiliti di mana tiga bulan pertama tersebut akan dianggap sebagai “Tempoh Tangguhan”. Bayaran bulanan ini tidak termasuk caj sebanyak 2% daripada bayaran bulanan yang dikenakan oleh Badan Potongan Gaji dan perlu dibayar oleh Pelanggan.
- iii) Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Bank akan mengenakan caj keuntungan bagi Tempoh Tangguhan ke atas Fasiliti. Jumlah caj keuntungan tersebut akan diselaraskan ke dalam Bayaran Bulanan mengikut tempoh pembiayaan.

### **3. KONSEP SYARIAH**

- i) Fasiliti ini adalah berdasarkan konsep Syariah Bai' Inah. Bai' Inah bermaksud akad jual beli yang disusuli dengan pembelian semula oleh penjual dengan harga yang berbeza. Walaubagaimanapun, kontrak pembelian semula adalah di atas opsyen kedua-dua pihak.
- ii) PENYATAAN DI SINI TIDAK MEMBENTUK SUATU OBLIGASI KEPADA MANA-MANA PIHAK DALAM KONTRAK INI UNTUK PENJUALAN ATAU PEMBELIAN SEMULA ASET PENDASAR.

### **4. PENGELUARAN FASILITI**

Setelah memenuhi semua terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Am ini, pengeluaran Fasiliti selepas ditolak semua caj dan apa-apa juga perbelanjaan yang berkaitan akan dibuat terus oleh Bank ke dalam akaun Pelanggan.

### **5. CAJ LEWAT BAYAR**

- i) Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa Bank berhak untuk mengenakan dan menuntut daripada Pelanggan caj lewat bayar bagi kegagalan Pelanggan untuk membuat:
    - a. Bayaran Bulanan tertunggak dan/atau jumlah yang dipersetujui untuk dibayar oleh Pelanggan kepada Bank; dan/atau
    - b. pembayaran selepas tarikh luput atau pembatalan Fasiliti,
- pada kadar yang dinyatakan seperti di bawah:

No	Tempoh Berkenaan	Kadar Caj Lewat Bayar	Ke atas Amaun
I.	Sebelum tarikh matang	1% setahun dikira atas dasar baki harian	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Bayaran Bulanan tertunggak, akan dikira selepas tarikh akhir sehingga penyelesaian penuh Bayaran Bulanan tertunggak dan/atau;</li><li>ii. Baki tertunggak, yang dikira dari tarikh pembatalan sehingga penyelesaian penuh baki tertunggak</li></ul>
II.	Selepas tarikh matang	Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank secara Islam ("IIMM") setahun dikira atas dasar baki harian	Baki tertunggak yang dikira dari tarikh matang sehingga penyelesaian penuh
III.	Apabila Bank telah mendapat penghakiman terhadap Pelanggan	Pada Kadar IIMM setahun yang dikira atas dasar baki harian dari tarikh penghakiman mahkamah sehingga tarikh penyelesaian	Baki tertunggak (tidak termasuk kos guaman dan caj lewat bayar seperti yang dinyatakan di dalam penghakiman) yang dikira dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh jumlah penghakiman

**Nota:**

- i. Caj lewat bayar tidak boleh dikompaun.
- ii. Jumlah caj lewat bayar tidak boleh lebih daripada amaun prinsipal tertunggak.
- iii. Caj lewat bayar dan kaedah pengiraan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.
- iv. Baki tertunggak merujuk kepada baki prinsipal dan keuntungan diperolehi.
- v. Caj lewat bayar adalah kumulatif dan tertakluk pada tempoh berkenaan.

## **6. *IBRA'* (REBAT)**

Bank akan memberi *ibra'* (rebate), sekiranya ada baki amaun yang masih belum dijelaskan oleh Pelanggan berdasarkan situasi berikut:

- i) Bagi pembiayaan kadar boleh ubah, sekiranya jumlah keuntungan dikira berdasarkan kadar keuntungan efektif adalah lebih rendah daripada jumlah keuntungan yang dikira berdasarkan kadar keuntungan siling / dipersetujui.
- ii) Berdasarkan kepada penyelesaian penuh Fasiliti oleh Pelanggan dalam situasi berikut:
  - a. penebusan atau prabayaran Fasiliti;
  - b. disebabkan penstruktur semula Fasiliti;
  - c. dalam kes ingkar oleh Pelanggan;
  - d. dalam situasi penamatkan atau pembatalan Fasiliti sebelum tarikh luput.

*Ibra'* (rebate) akan dikira berdasarkan formula di bawah atau pengiraan formula sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia:-

$$Ibra' \text{ (rebate)} = \text{keuntungan tertunda} - \text{caj penyelesaian awal}$$

## **7. PENYELESAIAN AWAL**

Pelanggan mesti menyediakan notis bertulis satu (1) bulan lebih awal kepada Bank jika Pelanggan ingin membuat penyelesaian awal ke atas sebahagian atau keseluruhan Amaun Fasiliti yang tertunggak. Sebarang notis pembayaran awal tidak boleh dibatalkan dan Pelanggan diwajibkan membuat penyelesaian awal pada tarikh yang disebutkan di dalam notis tersebut.

## **8. SYARAT TERDAHULU PENGGUNAAN FASILITI**

- i) Dokumen sokongan yang diperlukan oleh Bank dan/atau Badan Potongan Gaji telah disempurnakan.
- ii) Pelanggan telah mematuhi semua terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Bank seperti yang dinyatakan di dalam ini.
- iii) Apa-apa syarat-syarat terdahulu yang dianggap perlu oleh Bank dari semasa ke semasa.

## **9. KEJADIAN MUNGKIR**

Bank berhak menamatkan Fasiliti pada bila-bila masa dan menuntut bayaran penuh bagi semua jumlah terakru termasuk caj lewat bayar secara terus terhadap Pelanggan sekiranya salah satu daripada kejadian berikut berlaku:-

- i) Pelanggan gagal membuat mana-mana bayaran (termasuk keuntungan) apabila tiba tarikh patut bayar atau menjadi bankrap atau tidak mampu untuk membayar atau penghakiman telah diperolehi terhadap Pelanggan oleh pihak ketiga.
- ii) Penerima atau Pemegang Amanah dilantik mengambil alih pemilikan harta benda Pelanggan atau apa-apa pelaksanaan telah diambil terhadap harta benda Pelanggan.
- iii) Terjadi kemungkiran pada mana-mana perjanjian yang melibatkan pinjaman wang, pembiayaan atau pendahuluan kredit kepada Pelanggan yang memberikan hak kepada pemutang berkenaan (termasuk Bank) untuk menarik balik Fasiliti atau mempercepatkan bayaran atau menarik balik pendahuluan kredit.
- iv) Kemungkiran terhadap mana-mana terma-terma dan syarat-syarat di dalam Perjanjian Am ini.
- v) Pelanggan meninggal dunia, bankrap atau menjadi tidak siuman.
- vi) Pelanggan bersara, berhenti atau tamat perkhidmatan dengan majikan sekarang.

- vii) Mana-mana dokumen-dokumen sekuriti dan/atau dokumen sokongan tidak boleh disempurnakan atau menjadi tidak sah atas apa-apa alasan sekalipun.
- viii) Perubahan di dalam undang-undang atau peraturan-peraturan yang menyebabkan satu kesalahan kepada Bank untuk terus menyediakan Fasiliti ini kepada Pelanggan.
- ix) Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang pada pendapat Bank memudaratkan kemampuan Pelanggan untuk melaksanakan sebarang kewajipan yang terkandung di sini dan/atau mana-mana sekuriti dan/atau dokumen sokongan.

Tanpa mengambil kira perkara di atas, Bank berhak menamatkan Fasiliti menurut budi bicara pada bila-bila masa termasuk sebelum penggunaan Fasiliti jika difikirkan perlu, walaupun pada keadaan biasa, hak ini dijangka tidak akan dilaksanakan.

## **10. PENDEDAHAN MAKLUMAT**

Pelanggan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk mendedahkan, mengikut budi bicara pihak Bank, semua atau apa-apa maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan Fasiliti, Pelanggan dan kelakuan dan hal ehwal Pelanggan berhubung dengan Fasiliti kepada / untuk; -

- i) waris terdekat Pelanggan yang sudah meninggal dunia / peguam yang mewakili waris terdekat yang berniat untuk memohon perintah mahkamah berhubung dengan Fasiliti;
- ii) Bank Negara Malaysia / pihak berkuasa tertentu lain yang bertindak di bawah kuasa-kuasa yang diberi di bawah mana-mana undang-undang terpakai;
- iii) syarikat takaful, perunding takaful, broker, pelaras kerugian menurut mana-mana polisi takaful yang diperoleh oleh pihak Bank atau menurut apa-apa tuntutan yang akan dibuat oleh Bank di bawah polisi takaful sedemikian berhubung dengan Fasiliti;
- iv) tujuan apa-apa tindakan / prosiding undang-undang yang difaiklan oleh Bank terhadap mana-mana pihak ketiga berhubung dengan Fasiliti ini;
- v) tujuan apa-apa tindakan / prosiding undang-undang yang difaiklan oleh Bank terhadap mana-mana pihak ketiga bagi mendapatkan semula kerugian di bawah Fasiliti;
- vi) polis / pihak berkuasa menyiasat yang lain, bagi tujuan penyiasatan mereka berkenaan dengan apa-apa jenayah (termasuk apa-apa aktiviti penggubahan wang haram dan aktiviti pembiayaan keganasan) sama ada oleh Pelanggan atau sebaliknya;
- vii) polis / pihak berkuasa menyiasat yang lain bagi tujuan membuat laporan berkenaan oleh pihak Bank dan penyiasatan padanya, jika pihak Bank berpendapat bahawa suatu jenayah telah dilakukan polis / pihak berkuasa menyiasat lain boleh membantu Bank untuk menghalang / mendapatkan balik kerugian yang ditanggung oleh Bank/untuk mencegah jenayah;
- viii) mana-mana pihak yang mempunyai niat untuk memperoleh kepentingan, harta-harta atau obligasi Bank di bawah dokumen fasiliti ini;
- ix) mana-mana pihak yang pada masa hadapan mungkin menyatakan hasrat untuk mendapatkan apa-apa kepentingan / pegangan saham dalam Bank / menurut mana-mana pengaturan, komposisi, penggabungan, pemerolehan / penyusunan semula yang dicadangkan antara Bank dan pihak-pihak sedemikian;
- x) penasihat profesional luar bank dan Kumpulan AmBank
- xi) sekiranya terdapat apa-apa prosiding undang-undang dimulakan oleh Bank terhadap Pelanggan berdasarkan Fasiliti, sama ada untuk mendapatkan apa-apa jumlah wang yang perlu dibayar kepada Bank atau sebaliknya, dengan ini membenarkan Bank untuk mendedahkan butiran, maklumat yang berkaitan dengan Pelanggan dan kertas guaman yang berkaitan dengan prosiding undang-undang tersebut kepada mana-mana agensi pelaporan kredit di Malaysia.
- xii) Badan Potongan Gaji bagi urusan pemotongan gaji.

## **11. KLAUSA PRIVASI**

- i) Pelanggan diingatkan untuk membaca dan memahami Notis Privasi Kumpulan AmBank (yang terdapat di [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com)) dan klaus di sini sebelum bersetuju untuk terikat dengannya, yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadinya. Bagi mengelak keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut adalah dianggap telah digabungkan dengan merujuk kepada Klaus Privasi di dalam Perjanjian Am ini.
- ii) Sekiranya Pelanggan memberikan maklumat peribadi dan/atau kewangan pihak ketiga, termasuk maklumat berkaitan dengan keluarga terdekat dan tanggungan mereka untuk tujuan pembukaan atau menjalankan Fasiliti dengan pihak Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan pihak Bank, Pelanggan adalah:
  - a. mengesahkan bahawa dia telah memperolehi kebenaran atau sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat kepada pihak Bank dan untuk kegunaan pihak Bank selaras dengan Perjanjian Am ini;
  - b. bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat;
  - c. bersetuju untuk mengemaskini secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan
  - d. bersetuju terhadap hak pihak Bank untuk menamatkan Fasiliti sekiranya kebenaran tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.
- iii) Bila mana Pelanggan mengarahkan pihak Bank untuk melaksanakan apa-apa jenis transaksi merentas sempadan (termasuk membuat atau menerima bayaran) butiran mengenai transaksi merentas sempadan (termasuk maklumat berkaitan dengan sesiapa yang terlibat di dalam transaksi tersebut) mungkin akan diterima atau diantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh ejen luar negara pihak Bank, pengawal selia asing dan/atau pihak berkuasa berkaitan dengan tugas sah mereka (contohnya, pencegahan jenayah). Dalam memberikan arahan kepada pihak Bank dan/atau ejen pihak Bank untuk memasuki transaksi merentas sempadan bagi pihak Pelanggan, Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa pendedahan tersebut di atas adalah oleh pihak Pelanggan dan pihak –pihak lain yang terlibat di dalam transaksi merentas sempadan tersebut.
- iv) Sebagai tambahan, tetapi sentiasa tertakluk kepada sebarang undang-undang, (termasuklah peraturan, garis panduan dan/atau obligasi) terpakai bagi pihak Bank (sama ada di dalam atau luar Malaysia), Pelanggan bersetuju bahawa syarikat lain di dalam Kumpulan AmBank, peniaga dan rakan perniagaan strategik mereka boleh menghubungi Pelanggan mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran, yang mana pihak Bank dan Kumpulan AmBank percaya mungkin memberi kepentingan atau faedah kepada Pelanggan.
- v) Pihak Bank dan Kumpulan AmBank boleh berkomunikasi dengan Pelanggan melalui pelbagai saluran, termasuklah telefon, emel, pesanan elektronik/ bergerak, faksimili atau pos, menggunakan maklumat hubungan yang telah diberikan oleh Pelanggan.
- vi) Pelanggan boleh memberitahu pihak Bank pada bila-bila masa sekiranya Pelanggan memilih untuk tidak menerima sebarang komunikasi berhubung dengan pemasaran dari pihak Bank, Kumpulan AmBank dan/atau peniaga dan rakan niaga strategik mereka, dengan menghubungi pihak Bank di pelbagai saluran berikut:

Pusat Panggilan Pelanggan – One Stop Resolution  
Telefon : 03-2178 8888  
E-mel : [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)
- vii) Arahan bertulis yang terkini daripada Pelanggan akan terpakai. Pelanggan mengakui bahawa sesetengah komunikasi seperti penyata Fasiliti kepada Pelanggan dan laman sesawang Kumpulan AmBank mungkin mengandungi maklumat biasa mengenai produk dan perkhidmatan lain pihak Bank dan Kumpulan AmBank yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjelaskan bahagian penghantaran/operasi Fasiliti tersebut dan/atau tanpa sebarang kos tambahan kepada Pelanggan.
- viii) Pihak Bank mungkin menggunakan agensi laporan kredit dalam membantu membuat keputusan, sebagai contoh apabila pihak Bank memerlukan dalam:
  - a. menyemak butiran bagi permohonan Fasiliti, pembiayaan dan berkaitan pembiayaan atau fasiliti lain yang diberikan kepada Pelanggan;
  - b. menguruskan dan menyemak Fasiliti; dan/atau
  - c. mendapatkan semula hutang daripada Pelanggan
- ix) Pelanggan akan dipautkan dengan agensi laporan kredit kepada nama lain yang digunakan Pelanggan atau mungkin telah digunakan, dan mana-mana pemohon secara bersama-sama dan berasingan. Pihak Bank mungkin juga akan berkongsi maklumat mengenai Pelanggan dan bagaimana Pelanggan menguruskan Fasiliti dengan agensi laporan kredit yang berkaitan.

- x) Walaupun Pelanggan telah memberikan maklumat kepada pihak Bank, Pelanggan mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan dahulu. Dalam keadaan sedemikian, pihak Bank berhak untuk tidak memberikan atau menghentikan peruntukan Fasiliti yang dipautkan dengan maklumat tersebut.
- xi) Pihak Bank berhak untuk meminda Seksyen ini dari semasa ke semasa atas budi bicara pihak Bank dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender terlebih dahulu kepada Pelanggan.
- xii) Seksyen ini adalah tanpa prejudis kepada Seksyen 10 di dalam Perjanjian Am ini bagi Pendedahan Maklumat.

## **12. CAJ GUAMAN DAN KOS-KOS LAIN**

- i) Semua caj dan perbelanjaan sampingan berkaitan dengan penyediaan dan penyempurnaan sekuriti perlu dibayar oleh Pelanggan walaupun Pelanggan gagal menyempurnakan apa-apa dokumen sekuriti dan/atau menggunakan Fasiliti ini.
- ii) Pelanggan perlu membayar semua caj dan perbelanjaan berkaitan dengan Fasiliti ini termasuk fi peguamcara Bank sekiranya perlu untuk menuntut apa-apa wang yang terhutang atau perlu dibayar oleh Pelanggan melalui mana-mana proses undang-undang.

## **13. PENEPIAN SYARAT-SYARAT TERDAHULU**

Dengan ini diakui dan dimaklumkan bahawa apa-apa syarat-syarat terdahulu yang terkandung dalam Perjanjian Am ini adalah semata-mata untuk faedah Bank yang mana boleh diketepikan sama ada sepenuhnya atau sebahagian oleh Bank mengikut budi bicara tanpa menjelaskan haknya dan penepian tersebut tidak menjelaskan hak Bank untuk memastikan bahawa Pelanggan mematuhi mana-mana syarat-syarat terdahulu yang diketepikan pada masa akan datang.

## **14. PEMBAHAGIAN**

Bank berhak membahagikan apa-apa bayaran yang diterima daripada Pelanggan sama ada secara sepenuhnya atau sebahagian untuk bayaran prinsipal, keuntungan atau jumlah lain yang belum di bayar dan perlu di bayar mengikut turutan yang dianggap wajar oleh Bank.

## **15. KEBERASINGAN**

Pada bila-bila masa sepanjang tempoh Fasiliti, jika sebarang peruntukan yang terkandung di dalam Perjanjian Am ini menjadi tidak sah, tidak sahif atau tidak boleh dikuatkuasakan, menurut undang-undang atau menurut mana-mana penentuan yang dibuat atau diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, ini tidak akan membatalkan dengan apa cara sekalipun peruntukan lain yang terdapat di dalam Perjanjian Am ini.

## **16. PENGECUALIAN**

Dengan tidak menyentuh mana-mana peruntukan, kegagalan atau kelewatan bagi pihak Bank dalam melaksanakan mana-mana hak, kuasa atau remedinya di bawah terma-terma ini (dan/atau di bawah Fasiliti) tidak akan dianggap sebagai pengecualian dan tidak akan menjelaskan mana-mana hak, kuasa atau remedii tersebut.

## **17. MASA**

Masa, apabila dinyatakan, menjadi intipati dalam semua transaksi di bawah Fasiliti ini.

## **18. TIADA PENOLAKAN, PENYELESAIAN OLEH PELANGGAN**

Semua bayaran yang dilakukan oleh Pelanggan adalah tanpa sebarang penolakan, penyelesaian atau tuntutan balas.

## **19. TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN**

Pelanggan bagi terbaik daripada pengetahuan dan maklumatnya dengan ini mengisyiharkan kepada pihak Bank bahawa:

- (i) penyediaan Kemudahan ini bukan untuk transaksi pihak ketiga; dan
- (ii) kemudahan-kemudahan yang disediakan bukan transaksi pihak yang berkaitan, di mana:
  - (a) Pelanggan bukan saudara terdekat kepada pihak berkait Bank, atau mana-mana anak-anak syarikat dan entiti-entiti yang dikawal oleh Bank; dan
  - (b) Pelanggan tidak mempunyai kawalan atas mana-mana pihak yang berkait dengan Bank.

Pelanggan dengan ini berakujanji bahawa Pelanggan akan mengisyiharkan secara bertulis kepada pihak Bank sekiranya ibu, bapa, suami atau isteri dan anak-anak Pelanggan menjadi kakitangan pihak Bank pada masa akan datang.

## **20. VARIASI PADA TERMA**

Dengan ini dipersetujui bahawa Bank boleh tertakluk kepada Prinsip Syariah meminda atau mengubah mana-mana peruntukan Perjanjian Am ini dengan pemberitahuan notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender terlebih dahulu kepada Pelanggan atau melalui mana-mana cara yang difikirkan sesuai oleh Bank. Sekiranya selepas dua puluh satu (21) hari kalender, pemberitahuan notis bertulis berkenaan dengan pindaan dan penggubalan mana-mana peruntukan Perjanjian Am dikeluarkan oleh Pihak Bank dan Pelanggan masih mengekalkan Kemudahan ini, Pelanggan akan dianggap menerima pindaan dan penggubalan tersebut.

## **21. AKAUN GANTUNG**

Wang yang diterima di bawah akaun ini akan disimpan di dalam akaun gantung tanpa sebarang pendapatan selama mana yang dianggap wajar oleh Bank. Bank juga tidak bertanggungjawab untuk menggunakan wang tersebut untuk membayar apa-apa wang atau liabiliti yang terhutang oleh Pelanggan.

## **22. PENGIKAT WARIS**

Dokumen Fasiliti ini hendaklah terikat ke atas Pelanggan, warisnya, wakil diri dan pengganti (sekiranya perlu) dan hendaklah dikuatkuasakan oleh dan untuk kepentingan Bank, warisnya dan pengganti.

## **23. NOTIS**

Sebarang notis boleh diserahkan kepada Pelanggan atau wakil Pelanggan melalui proses undang-undang sama ada secara peribadi atau dengan menghantar melalui pos biasa kepada alamat yang dinyatakan atau alamat terakhir Pelanggan yang diketahui untuk diserahkan.

## **24. KESAN KEINGKARAN**

Tanpa mengambil kira terma-terma pembayaran di atas, sekiranya terdapat sebarang keingkaran terhadap mana-mana akaun dan/atau Fasiliti bersama Bank atau mana-mana pihak yang, pada pendapat Bank, mampu menjelaskan kemampuan Pelanggan untuk memenuhi tanggungjawab Pelanggan terhadap Fasiliti ini, Bank berhak untuk menuntut pembayaran penuh terhadap mana-mana jumlah wang yang masih terhutang kepada Bank dan/atau melaksanakan apa-apa langkah yang terkandung di sini dengan sewajarnya.

## **25. PERCANTUMAN DAN PENGGABUNGAN AKAUN**

Bank dengan ini berhak atas budi bicara sepenuhnya pada bila-bila masa dengan pemberitahuan notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) kalender hari terlebih dahulu kepada Pelanggan untuk menggabungkan atau mencantumkan mana-mana akaun dan/atau Fasiliti sama ada secara persendirian atau bersama di mana-mana sahaja. Hak Bank ini termasuk tetapi tidak dihadkan segala liabiliti, tanggungjawab dan sekuriti Pelanggan terhadap Bank dan menggunakan kesemuanya, termasuk sebarang wang di dalam simpanan Bank atau melalui skim potongan gaji Badan Potongan Gaji untuk menyelesaikan sebarang keberhutangan dan tanggungjawab Pelanggan terhadap Bank.

## **26. HAK UNTUK TOLAK SELESAI**

Pelanggan bersetuju jika Pelanggan ingkar dalam pembayaran mana-mana keberhutangan (“Keberhutangan”) yang perlu dibayar kepada pihak Bank dan/atau Kumpulan AmBank di bawah apa-apa kemudahan yang diberikan oleh pihak Bank dan/atau Kumpulan AmBank. Pihak Bank berhak untuk membekukan sejumlah amaun dari baki yang ada **di dalam mana-mana akaun peribadi pelanggan dengan Bank** yang bersamaan dengan jumlah keseluruhan bayaran Keberhutangan dengan memberi sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalender notis bertulis kepada Pelanggan untuk melangsaikan bayaran ingkar Keberhutangan.

Jika Pelanggan gagal melangsaikan bayaran Keberhutangan dalam tempoh tujuh (7) hari kalender tersebut, pihak Bank berhak untuk menolak selesai sepenuhnya mana-mana bahagian baki yang ada **di dalam akaun tersebut** dengan jumlah penuh bayaran ingkar Keberhutangan.

## **27. TAKRIF**

Kepala surat, logo, tajuk-tajuk yang digunakan di sini hanya untuk memudahkan sahaja dan tidak boleh digunakan dalam menterjemahkan terma-terma dan syarat-syarat di dalam Perjanjian Am ini.

## **28. SYARAT-SYARAT LAIN**

- i) Penggunaan Fasiliti adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Am ini.
- ii) Pelanggan diingatkan untuk tidak bergantung kepada atau mengikut apa-apa perkara yang berkaitan, nasihat dari atau wakil pihak Bank yang bermaksud untuk menasihati, membuat representasi atau berjanji dan yang mana ianya tidak dinyatakan secara nyata di dalam Perjanjian Am ini. Meskipun terdapat apa-apa nasihat yang diberikan, Pelanggan diingatkan bahawa nasihat tersebut tidak akan mengikat pihak Bank atau menjadi hujah pembelaan atau menyokong sebarang tuntutan Pelanggan di dalam mana-mana tindakan perundangan. Pelanggan diingatkan dan digalakkan untuk sentiasa mendapat nasihat guaman sendiri.
- iii) Pihak Bank boleh menggunakan mana-mana hak, kuasa dan/atau remedи yang ada, sama ada yang dinyatakan di sini atau yang diberikan kepada pihak Bank oleh undang-undang walaupun selepas penangguhan. Semua hak dan kuasa pihak Bank di bawah undang-undang atau ekuiti boleh digunakan meskipun hak dan kuasa tersebut bertindih dengan hak dan kuasa yang diberikan di bawah Perjanjian Am ini. Sekiranya pihak Bank tidak membuat apa-apa tindakan bila mana pihak Bank berhak untuk berbuat demikian, ini tidak bermaksud bahawa pihak Bank:
  - a. telah bersetuju terhadap kemungkiran Pelanggan; atau
  - b. telah melepaskan; atau
  - c. ditegah daripada mengambil apa-apa tindakan kemudian.
- iv) Bila mana pihak Bank secara nyatanya telah mengetepikan kemungkiran Pelanggan, ini tidak akan mencacatkan hak, kuasa dan remedи pihak Bank bagi sebarang kemungkiran lain yang dilakukan oleh Pelanggan sama ada yang berlaku sebelum atau selepas penepian tersebut.

**29. UNDANG-UNDANG**

Perjanjian Am ini akan dianggap sebagai kontrak yang dibuat di bawah undang-undang Malaysia dan bagi semua tujuan akan tertakluk kepada dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan pihak-pihak adalah dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah di Malaysia.

**30. HAK UNTUK MENYERAH**

Bank berhak tanpa sebarang sekatan apa pun untuk memindah / menyerah hak kepada mana-mana orang lain hak, manfaat dan kepentingan Bank di bawah Fasiliti dengan pemberitahuan notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender terlebih dahulu kepada Pelanggan. Sekiranya pemindahan / penyerahan hak menyebabkan kerugian kepada Pelanggan sama ada dari segi kewangan atau sebaliknya, maka, Bank akan mendapatkan satu persetujuan bertulis bersama Pelanggan.

\*\*\*\*\*

**PERINGATAN: Pelanggan diingatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat terkandung dalam Perjanjian Am sebelum menandatangani Perjanjian Am ini. Jikalau Pelanggan tidak memahami mana-mana terma-terma dan syarat-syarat terkandung dalam Perjanjian Am, Pelanggan dinasihati untuk membincang dengan wakil Bank yang diberikuasa sebelum menandatangani Perjanjian Am ini.**

Ditandatangani oleh:

Disaksikan oleh:

-----  
Nama:

No K/P:

-----  
Nama:

No. K/P:

Tarikh:

AmBank Islamic Berhad  
Post Approval Unit, Fulfillment, Lending Operations  
Level 14, Tower 1, Wisma AmFirst  
Jalan Stadium SS 7/15  
47301 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

